

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JULY 2016

Terus berusaha menuntut keadilan tragedi MH17

# Malaysia tidak akan berhenti

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 JULAI

**M**ALAYSIA tidak akan berhenti daripada terus berusaha mendapatkan keadilan ke atas tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 yang ditembak jatuh di Donetsk, Ukraine, dua tahun lalu, sehingga membunuh kesemua 298 penumpang dan anak kapal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bagi tujuan berkenaan, Malaysia akan menggunakan saluran undang-undang antarabangsa bukan sahaja dalam menuntut keadilan tetapi bagi mendapatkan penjelasan mengenai perbuatan tidak berperikemanusiaan itu.

Komitmen itu dibuat sehari selepas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berharap agar Malaysia diberikan rumusan awal laporan penyelidikan forensik mengenai penerbangan MH17 oleh Pasukan Penyiasat Bersama (JIT).

"Ia merupakan suatu perbuatan jenayah yang menimbulkan kemarahan dunia dan menyebabkan kesemua 298 penumpang dan anak kapalnya maut. Kami tidak akan sekali-kali melupakan penumpang dan anak kapal berkenaan, juga kepiluan yang dirasakan keluarga mangsa.

"Doa dan harapan kami mengiringi mereka dalam melalui hari-hari yang amat menyedihkan itu,"



UM-18/7/2016

Ia merupakan suatu perbuatan jenayah yang menimbulkan kemarahan dunia dan menyebabkan kesemua 298 penumpang dan anak kapalnya maut. Kami tidak akan sekali-kali melupakan penumpang dan anak kapal berkenaan, juga kepiluan yang dirasakan keluarga mangsa."

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

kata Perdana Menteri menerusi catatan di Facebook dan Twitternya hari ini.

MH17 yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ditembak jatuh di ruang udara Donetsk, pada 17 Julai 2014, ketika berada pada ketinggian hampir 10,000 meter dan terhempas di kawasan timur laut Ukraine, berhampiran sempadan Rusia.

Hasil siasatan pihak antarabangsa, pesawat malang itu

disahkan ditembak dengan peluru berpandu permukaan ke udara jenis BUK iaitu senjata buatan Rusia tetapi pihak Ukraine serta kumpulan bersenjata Donetsk turut memiliki peluru berpandu yang sama.

Sehingga kini tiada mana-mana pihak mengaku bertanggungjawab ke atas insiden tersebut dan sebaliknya, ketiga-tiga pihak yang memiliki peluru berpandu berkenaan saling menuduh antara satu sama lain.